



## SIARAN AKHBAR

### PANGGILAN BAGI PENYERTAAN AMBD FINTECH REGULATORY SANDBOX

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), secara berterusan, menggalakkan perkembangan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam, terutamanya dalam bidang teknologi kewangan, ataupun *fintech*. Dalam pada itu, AMBD menjemput bagi penyertaan AMBD Fintech Regulatory Sandbox.
2. AMBD Fintech Regulatory Sandbox telah dilancarkan pada 27 Februari 2017 bagi memudahkancaarkan pembangunan fintech di Negara Brunei Darussalam. *Sandbox* ini memberikan syarikat-syarikat yang menawarkan produk fintech yang berkelayakan, untuk menguji produk dan perkhidmatan fintech mereka dalam persekitaran pengawalseliaan yang fleksibel, dalam tempoh masa dan parameter yang dipersetujui.
3. Sejak pelancarannya, pihak AMBD telah meluluskan beberapa syarikat yang berkelayakan untuk menyertai *Sandbox* tersebut. Jenis produk dan perkhidmatan fintech yang sesuai diuji melalui *Sandbox* ini ialah aktiviti-aktiviti perbankan, insuran/takaful dan pasaran modal atau produk dan perkhidmatan kewangan inovatif di bawah kuasa pengawalseliaan AMBD yang berpotensi untuk memberi manfaat kepada pengguna.
4. Syarikat-syarikat, perniagaan-perniagaan atau institusi-institusi kewangan yang berminat bolehlah melayari laman The FinTech Office, AMBD untuk lebih memahami proses dan keperluan untuk beroperasi dalam *Sandbox*, di [www.ambd.gov.bn/fintech-office](http://www.ambd.gov.bn/fintech-office).
5. AMBD akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. Dalam pada itu, AMBD akan terus mengawasi risiko-risiko yang terlibat dalam produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan fintech.

#### Autoriti Monetari Brunei Darussalam

Tarikh : 24 Jamadilawal 1441H / 18 Februari 2020M

Rujukan : AMBD/COMMS/3